



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Jalan Maharajalela

36000 Teluk Intan

Perak Darul Ridzuan.

Tel : 05-6221970

Faks : 05-6231971

Portal : <http://jpnperak.moe.gov.my/jpdhilirperak>

Ruj. Kami : PPD.HIP.500-03/10/01(01)

Tarikh : 19 SEPTEMBER 2019

Guru Besar,
SK, SJK(C) dan SJK(T) Daerah Hilir Perak
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBERIAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK) DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas. Surat Kementerian Pendidikan Malaysia rujukan: KPM.400-4/5/22(7) bertarikh 17 Mei 2019 dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak rujukan: JPNPk.SKPP.UPP.500-3/18(10) bertarikh 18 September 2019 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan Garis Panduan tersebut, pegawai-pegawai selain Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas pengurusan kewangan sepenuh masa, pertimbangan khas perlu dimohon kepada **Pegawai Pengawal** iaitu **Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia** untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan dan layak dibayar BITK.

3. Oleh itu, pembayaran BITK bagi pegawai selain Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) perlu diberhentikan serta merta. Pihak tuan dimohon **menyediakan dalam 3 salinan Penyata Perubahan (Kew.8)** seperti contoh yang disertakan dan mengemukakan bersama-sama dokumen sokongan seperti yang dinyatakan **sebelum berakhir 25 September 2019**

4. Sehubungan itu juga dimohon pihak tuan mengemukakan **permohonan baru** untuk pertimbangan **Pegawai Pengawal** bagi kelulusan tarikh pembayaran mulai **1 April 2019**. Permohonan baru BITK beserta dokumen sokongan mengikut senarai semak yang telah ditetapkan boleh dikemukakan ke Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak dengan kadar segera untuk diangkat permohonan terus kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) KPM untuk kelulusan.

Kerjasama tuan sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(**MAT HAMDAN BIN AMIN**)

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah

b.p Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak

SENARAI SEMAK

PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN BAGI PEGAWAI SELAIN PEMBANTU AKAUNTAN DAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED 28 DAN KE BAWAH

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	TANDA (/)
1.	Surat perakuan daripada Ketua Jabatan.	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Kelayakan Akademik sebagaimana diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Akauntan atau Penolong Akauntan semasa dilantik/ semasa dalam perkhidmatan <u>ATAU</u> Salinan Keputusan Peperiksaan Kewangan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Buku Perkhidmatan yang telah dikemaskini hingga tarikh semasa.	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Deskripsi Tugas <i>MyPortfolio</i> yang telah dikemaskini hingga tarikh semasa.	<input type="checkbox"/>
5.	Carta Organisasi mengikut waran perjawatan di mana pegawai berkhidmat.	<input type="checkbox"/>

Catatan:

Selap permohonan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) yang dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah **lengkap** berdasarkan **SENARAI SEMAK** di atas bagi memastikan permohonan dapat diproses dengan segera. Permohonan yang **tidak lengkap** akan dikembalikan kepada Ketua Jabatan dan perlu dikemukakan semula sebagai **PERMOHONAN BAHARU YANG LENGKAP** dengan kadar segera.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Saraan, Kemudahan dan Hubungan Kesatuan, Cawangan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KPM di talian 03-88847763/ 03-88847996/ 03-88847747.

PANDUAN PENYEDIAAN
BERHENTI BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)

DOKUMEN SOKONGAN:

1. 1 salinan Kew.8 BITK yang diluluskan
2. 1 salinan slip gaji terkini
3. 1 salinan Salinan Surat daran KPM dan JPN PK (Portal JPN Pk bth 18.09.2019)

(Kew.8-Pin 10/96)

CONTOH KEW.8

PENYATA PERUBAHAN MENGENAI PENDAPATAN SESEORANG PEGAWAI

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Diberhentikan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) mulai.....	01.04.2019	RM40.00		KPM.400-4/5/22(7) BTH : 17.05.2019 JPNPk.SKPP.UPP 500-3/18(10) BTH : 18.09.2019